

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG  
(KLUANG)  
TARIKH : 17.11. 2015  
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kekerapan pesawat Amerika P-8 atau P-3C singgah di Malaysia dalam operasi pemantauan Spratly Islands, dan bentuk kerjasama pemantauan tentera antara Malaysia dan Amerika dalam menangani pembinaan tiga landasan pesawat terbang besar-besaran oleh China di Spratly.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Malaysia tidak pernah mengadakan kerjasama atau latihan dengan Amerika Syarikat bagi memantau pembinaan tiga landasan pesawat terbang China di Kepulauan Spratly.**

**Kerjasama pertahanan yang wujud sekarang tidak sekali-kali menyentuh tentang kedaulatan negara dan kerajaan sentiasa berpegang teguh kepada prinsip negara berdaulat. Justeru, tidak wujud persoalan mengenai kekerapan pesawat Amerika P-8 atau P-3C singgah di Malaysia untuk tujuan pemantauan tersebut.**